

26/11/1997

Mahu bincang projek RM2b dengan PM

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Selasa - Kerajaan Kelantan akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berbincang secara terperinci pelaksanaan projek petrokimia di Pantai Sebnok, Bachok yang dianggarkan membabitkan pelaburan bernilai RM2 bilion.

Perbincangan itu dijangka diadakan bulan depan untuk melihat sejauh mana projek raksasa itu mampu memberi sumbangan ke arah pemulihan ekonomi negara, berikutan kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham tempatan.

Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman berkata, jika projek industri petrokimia diterajui bersama KUB Malaysia dan Keloil Sdn Bhd anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) berjalan lancar, ia dapat memberi sumbangan pemulihan ekonomi negara menjelang tahun 2000.

"Kerajaan negeri percaya Perdana Menteri juga mempunyai keyakinan penuh terhadap potensi projek itu.

"Oleh itu kita (kerajaan negeri) akan mengadakan perbincangan dengan beliau (Perdana Menteri) bulan depan untuk melihat apa yang boleh kerajaan Kelantan sumbangkan bagi memulihkan ekonomi negara menerusi projek ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis memeterai perjanjian pembiayaan pinjaman bagi pelaksanaan projek pembinaan kebuk LPG dan pembotolan LPG, antara Keloil dengan Sime Merchant Bankers Sdn Bhd dan Sime Bank Bhd, di sini semalam.

Menerusi perjanjian itu, Sime Merchant Bankers dan Sime Bank bersetuju membiayai pinjaman berjumlah RM98 juta.

Pada Mei lalu, KUB dan PKINK memeterai satu perjanjian persefahaman (MoU) untuk memajukan industri petrokimia di Pantai Senok disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, di Kuala Lumpur.

Berikutan itu KUB bercadang melabur kira-kira RM2 bilion untuk memajukan industri itu dan kerajaan negeri menyediakan kawasan tapak seluas 2,000 hektar termasuk untuk pembinaan Kompleks Bersepadu Petrokimia Pantai Senok.

Abdul Halim berkata, kerajaan negeri akan membentuk Jawatankuasa Pemandu Induk (JPI) membabitkan kerajaan negeri, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen), Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU), jabatan berkaitan pembangunan projek petrokimia di peringkat negeri dan Pusat.

"InsyAllah, kalau semua meletakkan projek ini sebagai kepentingan nasional dan kepentingan rakyat, kita dapat nikmat lebih besar untuk kemajuan negara.

"Kerajaan negeri percaya dalam keadaan ekonomi negara sedang gawat ini, agak susah untuk negara memulihkan ekonominya dalam masa singkat," katanya.

Abdul Halim menegaskan adalah lebih baik deposit atau khazanah (gas asli) yang ada di dasar perairan Kelantan dieksploitasi sepenuhnya dan dipercepatkan penerokaan bagi mendapatkan sumber kewangan baru ke arah memulihkan ekonomi negara.

Menurutnya, perjanjian yang dimeterai dengan KUB itu juga untuk memastikan gas di kawasan perairan Pembangunan Bersama Malaysia Thai (MTJA) milik Malaysia dan di perairan Malaysia sendiri, iaitu PN 301 dan PN 302 yang dianggarkan berjumlah lebih 10 trilion kubik didaratkan di

Pantai Senok.

(END)